

'Isu menteri atasi kuasa ROS tak berbangkit'

PM perjas
pertikaian
keputusan, ada
dalam peruntukan
undang-undang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Dalam Negeri ada kuasa mengikut Akta Pertubuhan 1966, sekali gus tidak timbul isu Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengatasi kuasa Pendaftar Pertubuhan (ROS) berkait isu usul dua jawatan tertinggi UMNO tidak dipertandingkan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan pertikaian mengenai keputusan ROS dan kenyataan Saifuddin Nasution berhubung usul jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO tidak dipertandingkan, tidak berbangkit.

"Ia dalam peruntukan un-

dang-undang, ada kuasa ROS yang kemukakan kepada menteri, ada kuasa menteri. Biar menteri jelaskan dan menteri sudah jelaskan," katanya ditemui selepas menyempurnakan perasmian Festival Taman Kuala Lumpur 2023 di sini, semalam.

Anwar memberi contoh, beliau sendiri adakalanya membuat keputusan mengatasi keputusan pegawai di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan (MoF) yang diterajunya.

"Saya dalam kerja saya di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan, ada kalanya saya 'override' (mengatasi) keputusan pegawai. Umpamanya dulu ada pegawai diarah beri kontrak ikut rundingan terus, saya 'override' kerana saya fikir lebih baik guna proses tender supaya lebih telus," katanya.

Kelmarin, bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dalam satu rakaman video meluahkan rasa tidak puas hati dengan keputusan Menteri Dalam Negeri memberi pengecualian kepada UMNO mengikut Seksyen 70 Akta Pertubuhan 1966 berhubung pemilihan parti itu,

Bekas Ahli Parlimen Rembau itu menyifatkan kenyataan Sai-



Anwar bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah ketika merasmikan Festival Taman Kuala Lumpur 2023 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

fuddin Nasution untuk menggunakan kuasanya dalam pengecualian undang-undang terhadap UMNO berhubung isu usul dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan, menunjukkan UMNO ternyata melanggar Akta Pertubuhan.

Dalam reaksi kepada tuduhan Khairy, Saifuddin Nasution yang mempertahankan keputusannya, menegaskan pihak yang tidak berpuas hati boleh mencabar keputusan itu di mahkamah.

Nafi campur tangan luar

Sementara itu, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada sidang media di Parlimen semalam, menafikan wujud campur tangan luar yang menyebabkan Menteri Dalam Negeri membuat keputusan berkenaan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, tidak timbul isu UMNO memerlukan campur tangan luar bagi tujuan menyelamatkan parti itu, sebaliknya keputusan Saifuddin Nasution termaktub melalui klausa dalam Akta Pertubuhan 1966 yang memerlukan

ROS mengabsahkan sesuatu keputusan.

"Tiada campur tangan luar. Ada dua pengadu mencabar usul dikemukakan dalam Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2022, iaitu usul yang sudah diteliti pengerusi tetap yang mengikut semua peraturan dalam PAU dan semua fasal dalam perlembagaan parti.

"Yang perlu diketahui badan tertinggi dalam UMNO ialah perhimpunan agung membuat keputusan terbabit, diterima lebih 95 peratus daripada keseluruhan perwakilan. Namun, kita masih menyantuni aduan dibuat dan kita juga terus memberikan maklum balas yang diterima daripada ROS.

"Ini bukan soal campur tangan luar, tapi suatu klausa dalam akta pertubuhan," katanya menyifatkan jawapan diberikan Saifuddin Nasution adalah jawapan rasmi berkait Fasal 70 Akta Pertubuhan yang memuktamadkan apa juga tafsiran dan polemik, dibangkitkan sama ada dari dalam dan luar parti.

Berhubung pandangan bekas

pemimpin UMNO yang berasakan ada sesuatu tidak kena dengan perkembangan itu, Ahmad Zahid menganggap ia pandangan peribadi.

"Saya berasakan pandangan itu adalah pandangan peribadi. Perkara 70 dalam Akta Pertubuhan itu adalah akta yang diluluskan di Parlimen. Sebagaimana disebutkan Menteri Dalam Negeri, jika ada tidak puas hati dalam keputusan itu, mereka boleh buat aduan dan bawa perkara ini ke mahkamah," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah dalam nada menyindir, berterima kasih kepada semua pihak yang tiada kaitan dengan pemilihan UMNO, namun minat dengan perkembangan parti itu yang disifatkannya manifestasi bahawa UMNO parti signifikan dalam politik tanah air.

"Ucap terima kasih, secara tiba-tiba mereka yang tiada kaitan dengan pemilihan UMNO, apatah lagi yang datang dari parti lain juga berminat untuk bertanya soal ini di luar dan dalam Parlimen," katanya.